

FIQH ḤAḌĀRĪ SEBAGAI METOD SEMASA DALAM MENGANALISIS HADITH-HADITH HUKUM

Oleh:
Ishak Hj. Suliaman*

Abstract

Fiqh Ḥaḍārī has been identified as a contemporary methodology in deriving hukum from the tradition of the Prophet. Dr Yūsuf al-Qaraḍāwī contemplates that the methodology of Fiqh Ḥaḍārī is an appropriate scientific approach for the purpose particularly in identifying the causes and main objectives of Islamic rulings. This article aims to elaborate the methodology, its background, the theoretical development and its application.

Pengenalan

Perbincangan mengenai *Ḥaḍārī* dari perspektif ilmu Islam sebenarnya bukanlah satu topik asing dan kontroversi bagi umat Islam mutakhir ini. Bermula dengan lontaran minda oleh Ibn Khaldūn berhubung dengan konsep *Ḥaḍārī* dan '*Umran*', Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī telah melanjutkan perbincangan topik ini secara terperinci dan mengaitkannya dengan Sunnah Nabawi. Pada sekitar tahun 1997, beliau telah menganalisis terminologi *Ḥaḍārī* secara ilmiah melalui bukunya *al-Sunnah: Maṣḍaran lil al-Ma'rifah wa al-Ḥaḍārah*². Terminologi *Fiqh Ḥaḍārī* telah dibincangkan secara terperinci oleh al-Qaraḍāwī di dalam bahagian ketiga bukunya tersebut. Lanjutan daripada *Fiqh Ḥaḍārī*, al-

* Prof. Madya di Jabatan al-Quran dan al-hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

¹ Ibn Khaldūn (1979), *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Beirut : Muassasah Jammāl lil Tibā'ah wa al-Nashr, h. 34.

² al-Qaraḍāwī, Yusuf (1997), *al-Sunnah: Maṣḍaran lil al-Ma'rifah wa al-Ḥaḍārah*, Qaherah: Dār al-Syurūq

Qaraḍāwī juga memperkenalkan terminologi *Sulūk Ḥaḍārī*. Dua topik besar yang dikaitkan dengan terminologi *Ḥaḍārī* oleh al-Qaraḍāwī ini memperlihatkan signifikannya yang tersendiri.

Kepada umat Islam yang jujur dan menghormati tradisi keilmuan Islam, topik *Fiqh Ḥaḍārī* dan kaitannya dengan Sunnah Nabawi sewajarnya difahami dengan ‘*aqlī ‘ilmī*, dikaji, dipelajari dan diaplikasi secara objektif. Tanpa emosional dan fanatik kepada keserjanaan al-Qaraḍāwī, *Fiqh Ḥaḍārī* wajar didiskusikan secara ilmiah dan rasional. Ini disebabkan perkaitan yang rapat di antara *Fiqh Ḥaḍārī* dengan Sunnah Nabawi, sumber utama Islam selepas al-Qur’an. Pertalian ini juga dilihat mampu untuk memperkasakan Sunnah Nabawi melalui *Fiqh Ḥaḍārī* yang boleh dijadikan satu metodologi kontemporari dalam menganalisis hadith-hadith Nabawi khususnya yang berkaitan dengan hukum syar‘ie.

Persoalannya; apakah intisari utama *Fiqh Ḥaḍārī* gagasan al-Qaraḍāwī ini? Bagaimanakah pendekatan *Fiqh Ḥaḍārī* yang telah disesuaikan sebagai satu metodologi kontemporari dalam menganalisis hadith-hadith hukum? Bagaimanakah signifikan metodologi *Fiqh Ḥaḍārī* mampu untuk memperkasakan hukum-hukum syarak bersumberkan Hadith Nabawi di dalam menghadapi pelbagai aliran pemikiran dewasa ini? Kesemua persoalan di atas akan diolah di dalam kertas ini yang dimulakan dengan topik Metodologi *Sharḥ al-Ḥadīth* oleh *Muḥaddithīn*. Topik ini dipaparkan sebagai satu sorotan historikal yang menjadi asas utama ulama semasa menganalisis hukum-hukum syarak yang berdalilkan Hadith Nabawi.

Metodologi *Sharḥ al-Ḥadīth* oleh *Muḥaddithīn*

Menyorot hasil kerja *muḥaddithīn* melalui karya-karya besar mereka dalam *Sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī*, sememangnya mengkagumkan. Ini dapat dibuktikan melalui karya-karya hebat *sharḥ al-Ḥadīth al-Nabawī* seperti *Fath al-Bārī* hasilan Ibn Hajar al-‘Asqalānī dan *Sharḥ Muslim* oleh al-Nawawī. Dua contoh karya ini telah membuktikan tahap keserjanaan dan kualiti penyelidikan mereka di dalam menganalisis teks-teks Hadith Nabawi. Walaupun kuantiti jilid dua karya di atas

boleh dijadikan ukuran tahap keserjanaan mereka, namun kualiti analisis hadith-hadith Nabawi yang dilakukan telah menyerlahkan lagi autoriti ilmiah dua karya tersebut. Kualiti analisis hadith-hadith Nabawi ini sebenarnya amat bergantung kepada metodologi analisis atau *sharḥ* yang telah dilakukan oleh ramai *muḥaddithīn*.

Memaparkan metodologi analisis atau *syarḥ al-Ḥadīth* yang telah dilakukan oleh *muḥaddithīn* merupakan landasan teori utama sebelum mendiskusikan topik *Fiqh Ḥadāri*. Ini di sebabkan hubungkait yang rapat di antara keduanya yang akan cuba dipaparkan di dalam kertas ini.

Kembali semula kepada topik metodologi *sharḥ al-Ḥadīth*. Secara ringkasnya, terdapat dua metodologi *sharḥ al-Ḥadīth* dari aspek analisis hukum yang dilakukan oleh *muḥaddithīn* melalui karya-karya mereka seperti berikut;

1. Analisis hukum berdasarkan definisi terminologi (*iṣṭilāḥāt*) yang terdapat di dalam teks hadith.

Banyak karya-karya *sharḥ al-Ḥadīth* yang menekankan metod ini. Karya *Fath al-Bārī* dan *Ṣaḥīḥ Muslim* sebagai contoh, turut menggunakan metod ini. Metod ini amat penting digunakan di dalam menganalisis teks-teks hadith kerana definisi terminologi ini akan membawa kepada justifikasi dan penetapan sesuatu hukum. Di dalam kata lain, metod ini menekankan kepada pengertian dan makna istilah-istilah daripada teks hadith. Di dalam mendefinisikan istilah-istilah ini, kebiasaannya *muḥaddithīn* akan merujuk kepada hadith-hadith Nabawi lain yang berkaitan, pandangan daripada *ṣaḥābah* atau *tābi 'īn*. Daripada definisi-definisi yang diberikan, hukum-hukum yang bersifat *taklīfī* atau pengajaran yang bersifat umum atau khusus akan dipaparkan oleh *muḥaddithīn*. Kepentingan metod ini di dalam analisis hadith-hadith Nabawi telah menyebabkan sebahagian *muḥaddithīn* menghasilkan karya-karya khusus yang berhubung dengan definisi *iṣṭilāḥāt al-Ḥadīth* seperti *Gharīb al-Ḥadīth* karya Abū 'Ubayd al-Qāsim b. Salām, *al-Nihāyah fī Gharīb al-*

Ḥadīth karya Ibn ʿAthīr, *Gharīb al-Ḥadīth* karya Ibn al-Jawzī dan lain-lain.

2. Analisis hukum berdasarkan metodologi *Fiqh al-Ḥadīth*.

Metodologi *Fiqh al-Ḥadīth* yang dilakukan oleh *muhaddithīn* merujuk kepada analisis dan ijtihad daripada *fuqahāʾ* yang mewakili pelbagai aliran mazhab di dalam mengistinbat hukum-hukum daripada teks hadith Nabawi. Metodologi ini dilihat begitu popular digunapakai oleh *muhaddithīn* di dalam menganalisis hadith-hadith Nabawi. Terdapat kecenderungan *muhaddithīn* yang memaparkan semua aliran pemikiran dan ijtihadiah *fuqahāʾ* daripada pelbagai mazhab. Namun kebiasaannya pengarang akan mentarjihkan hukum tersebut melalui mana-mana pandangan yang berautoriti dan melakarkan kesimpulan yang tersendiri. Di antara contoh pendekatan seperti ini ialah *Nayl al-Awṭār*, karya Shawkānī dan *Subul al-Salām*, karya al-Ṣanʿānī. Namun terdapat juga karya *sharḥ al-Ḥadīth* yang lebih cenderung menfokuskan kepada satu aliran pemikiran dan ijtihadiah *fuqahāʾ* dari satu mazhab sahaja seperti mazhab al-Shāfiʿī. Contoh yang paling ketara ialah *Baḥr al-Mādhi*, karya Idrīs al-Marbawī, (satu-satunya karya *sharḥ al-Ḥadīth* bagi *Sunan al-Tirmidhi* dalam versi Bahasa Melayu lama) yang menfokuskan banyak pandangan *al-Shāfiʿiyyah* di dalam menganalisis teks Hadith Nabawi.

Secara ringkasnya, metodologi *Fiqh al-Ḥadīth* menfokuskan kepada *istinbāt* hukum daripada teks hadith dalam perspektif *fuqahāʾ* yang mewakili pelbagai mazhab dan aliran pemikiran hukum yang terdapat pada ketika itu. Metodologi ini begitu sesuai memandangkan kemunculan banyak karya-karya teks hadith seperti *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim* dan lain-lain yang begitu memerlukan analisis atau *sharḥ al-Ḥadīth* bagi tujuan istinbat hukum dan pengajaran yang berkaitan. Keadaan ini ditambah pula cabaran semasa pada ketika itu yang menyaksikan kemunculan pelbagai aliran pemikiran Islam yang membentuk pertumbuhan mazhab di bidang aqidah, tasawwuf, fiqh dan sebagainya.

Persoalannya; apakah setelah tercetaknya pelbagai karya *sharh al-Ḥadīth* tersebut, sarjana Islam tidak perlu lagi menganalisis teks-teks Hadith Nabawi melalui metod-metod yang bersesuaian dengan cabaran zaman dan semasa? Apakah memadai dengan merujuk, mengedit dan menterjemah sahaja karya-karya tersebut? Wajarkah karya-karya *sharh al-Ḥadīth* ini ditambah nilai melalui penyelidikan yang berterusan? Apakah cukup *Fiqh al-Ḥadīth* yang terdapat di dalam karya-karya *sharh al-Ḥadīth* tersebut untuk menangani cabaran perkembangan aliran pemikiran semasa yang timbul masa kini?

Persoalan-persoalan di atas sebenarnya telah ditangani secara serius oleh sebahagian sarjana Islam melalui metodologi semasa khususnya di dalam menganalisis teks-teks Hadith Nabawi. Di antara metodologi semasa yang diperkenalkan oleh al-Qaraḍāwī (1997) ialah *Fiqh Ḥadāri* melalui karyanya *al-Sunnah: Maṣḍaran lil al-Ma'rifah wa al-Ḥadārah*. Terdahulu daripada itu al-Qaraḍāwī telah menggariskan lapan prinsip utama yang wajar diikuti apabila menganalisis dan berinteraksi dengan Sunnah Nabawi³. Pada tahun 2002, Aḥmad al-Raysūnī⁴ telah memperkenalkan pula teori *al-Maṣlaḥa wa al-Naṣṣ* yang boleh dikategorikan sebagai satu lagi metodologi semasa dalam menganalisis teks-teks Hadith Nabawi. Di antara dua metodologi ini, pada hemat penulis, *Fiqh Ḥadāri* yang diperkenalkan oleh al-Qaraḍāwī lebih bersifat komprehensif dan terperinci. Namun teori *al-Maṣlaḥa wa al-Naṣṣ* dilihat sebagai bersistematik dan praktikal kerana mengambil kira di antara kepentingan metodologi *muḥaddithīn* silam dan cabaran hukum kontemporari di dalam menganalisis teks-teks Hadith Nabawi.

³ Lapan prinsip utama tersebut ialah; i) Memahami al-Sunnah dalam perspektif al-Qur'an, ii) Menghimpun hadith-hadith yang berkaitan dalam satu topik, iii) Menterjemah di antara hadith-hadith yang bercanggah, iv) Memahami hadith melalui *wurūd al-Ḥadīth* dan *maqāsid*, v) Membezakan di antara wasilah yang berubah dengan tujuan yang tetap bagi sesebuah Hadith, vi) Membezakan di antara hakikat dengan *majāz* bagi memahami Hadith, vii) Membezakan di antara yang ghaib dengan yang nyata, viii) Penelitian kepada makna Lafaz Hadith. Lihat al-Qaraḍāwī (1992), *al-Madkhal li al-Dirāsah al-Sunnah al-Nabawiyah*. Qaherah: Maktabah Wahbah, h. 99-138.

⁴ al-Raysūnī, Aḥmad, Aḥmad Jamal Barut (2002), *Al-Ijtihād: al-Naṣṣ, al-Wāqī, al-Maṣlaḥa*. Damsyiq: Dār al-Fikr:.

Penulis sebenarnya lebih cenderung untuk menggabungkan dua metodologi ini dan menganalisis dengan cabaran *waqi'i* atau realiti semasa yang berlaku di Malaysia dan di peringkat global. Sebelum dipaparkan gabungan dua metodologi ini, amat penting untuk dilakukan 'review' terhadap konsep *Fiqh Ḥadārī* yang diperkenalkan oleh al-Qaraḍāwī. 'Review' ini dipaparkan dengan tujuan untuk melihat kesesuaian aplikasi *Fiqh Ḥadārī* masakini melalui Hadith Nabawi di dalam mendepani cabaran hukum Islam kontemporari.

***Fiqh Ḥadārī* dan al-Qaraḍāwī**

Daripada aspek prinsip, falsafah dan etika, *Fiqh Ḥadārī* yang diperkenalkan oleh al-Qaraḍāwī ialah *Fiqh* dinamik yang berpaksikan sumber utama Islam iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Bagi al-Qaraḍāwī, dinamika holistik *Fiqh Ḥadārī* adalah bertujangan kepada penyelidikan yang mendalam dan berobjektifkan kepada *ma'rifah* atau kebenaran hakiki. Ilmu pengetahuan duniawi dan ukhrawi yang bermanfaat kepada manusia merupakan keutamaan *Fiqh Ḥadārī* di dalam menuju matlamat *ma'rifah* yang hakiki.

Lebih menarik lagi, di dalam gagasan *Fiqh Ḥadārī*, al-Qaraḍāwī menolak pendekatan yang ekstrim atau taksab kemazhaban, 'egoistik sentrik' yang bebal (berlagak pandai) dan tidak bersifat tawadduk atau rendah diri: 'saya tidak mengetahui' (jawapan jujur apabila tiada maklumat tepat terhadap sesuatu perkara). Pada hemat penulis, pendekatan 'mabuk' untuk menang di dalam berhujah bagi perkara-perkara yang *furū'* dan *khilāf*, amat wajar ditolak di dalam pendekatan *Fiqh Ḥadārī*.

Bagi al-Qaraḍāwī, di antara etika *Fiqh Ḥadārī* ialah menolak budaya taklid buta yang melampau yang diwarisi zaman berzaman khususnya yang jelas bertentangan dengan prinsip syariat Islam. Sebagai alternatifnya, budaya merujuk dan bertanya kepada yang pakar dan berpengalaman, merupakan etika *Fiqh Ḥadārī* yang positif.

Bagi memantapkan lagi prinsip *Fiqh Ḥadārī*, al-Qaraḍāwī menegaskan kepentingan meraikan dan menerimapakai pandangan

yang berbeza atau yang bertentangan dengan pandangan peribadi atau kelompok sendiri. Bagi merealisasikan prinsip ini, al-Qaraḍāwī menggesa diaktifkan tradisi dialog (*hiwār*), muzakarah, forum dan seumpamanya. Tradisi ini merupakan prinsip *Fiqh Ḥaḍārī* yang bersifat dakwah, percambahan fikiran dan persefahaman yang harmoni walaupun berbeza pegangan politik, pemikiran dan berlainan agama. Pada al-Qaraḍāwī, pelaksanaan prinsip ini di dalam *Fiqh Ḥaḍārī* akan membawa kepada fiqh kehidupan yang bersifat praktis dan dinamis. Memahami *Fiqh Ḥaḍārī* sebagai fiqh kehidupan akan melahirkan keyakinan tinggi kepada umat Islam tentang kepentingan memakmurkan kehidupan duniawi. Apabila umat Islam meyakini prinsip ini, maka kehidupan mereka akan didasarkan kepada amalan-amalan yang utama dan berdaya maju. Ringkasnya, umat Islam akan menjalani kehidupan yang berasaskan kepada kemajuan dan kemakmuran.

Prinsip-prinsip utama dan falsafah serta etika *Fiqh Ḥaḍārī* yang dibincangkan di atas telah diolah secara ilmiah oleh al-Qaraḍāwī dengan mendatangkan banyak dalil-dalil naqli yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith. Topik ini boleh dirujuk di dalam bahagian ketiga daripada bukunya; *al-Sunnah Maṣḍaran lil al-Ḥaḍārah*. Persoalannya kini, bagaimana pula dengan metodologi *Fiqh Ḥaḍārī* dalam menganalisis teks Hadith Nabawi yang digagaskan oleh al-Qaraḍāwī? Dan bagaimana pula teori fiqh al-Raysūnī; *al-Maṣlaḥa wa al-Naṣṣ* boleh digabungkan di dalam teori *Fiqh Ḥaḍārī* versi al-Qaraḍāwī supaya menghasilkan satu metodologi semasa yang berwibawa? Sebelum menghuraikan jawapan bagi dua soalan ini, penulis akan membentangkan terlebih dahulu topik yang berkaitan dengan justifikasi keperluan metod semasa di dalam menganalisis hadith-hadith Nabawi. Secara implisitnya, topik ini akan memberikan jawapan kenapa metod ini wajar dipaparkan dan didiskusikan secara ilmiah dan rasional.

Justifikasi Keperluan kepada Metod Semasa

Kecelaruhan di dalam menganalisis hukum-hukum Islam yang bersumberkan nas-nas naqli sebenarnya satu fenomena yang wujud sepanjang zaman. Pada hemat penulis, terdapat dua sebab utama

kecelaruan yang berlaku sepanjang zaman yang berkaitan dengan isu ini. Pertama, ialah kecelaruan di sebabkan pendekatan literal yang sempit dalam menganalisis hukum-hukum Islam yang bersumber Hadith Nabawi. Manakala sebab kedua ialah pendekatan liberal yang bebas dalam menganalisis hukum-hukum Islam yang bersumber dalil naqli.

Pendekatan literal yang sempit bererti mengistinbatkan hukum-hukum syarak yang hanya berdasarkan makna zahir daripada teks Hadith Nabawi. Secara ringkasnya, pendekatan literal ini tidak merujuk kepada metodologi *Fiqh al-Ḥadīth* dan juga definisi terminologi teks-teks Hadith yang telah dibukukan oleh *muḥaddithīn*. Lebih malang lagi, hukum syarak yang dicanangkan telah disandarkan pula kepada amalan-amalan yang bersifat ibadah yang dilakukan secara rutin oleh umat Islam. Sebagai contoh, mencanangkan hukum bid'ah kepada amalan membaca surah *Yāsīn* secara berjemaah yang diamalkan secara rutin pada setiap malam Jumaat oleh kebanyakan umat Islam khususnya di negara ini. Penghukuman ini jelas telah menandatangani kecelaruan di dalam metod analisis Hadith Nabawi dan juga kecelaruan kefahaman daripada sudut ibadah. Lebih mencelarukan apabila dikaitkan hukum bid'ah ini dengan kesesatan dan dicanangkan pula neraka (sebagai merujuk kepada teks Hadith Nabawi yang berkaitan) sebagai balasan kesesatan kepada pembaca surah *Yāsīn* pada malam jumaat! Lebih mengharukan apabila pengamal ibadah ini diingatkan supaya bertaubat kepada Allah s.w.t lantaran amalam bacaan surah *Yāsīn* pada malam jumaat.

Contoh di atas sebenarnya contoh kontemporari yang sedang berlaku di dalam masyarakat umat Islam di Malaysia. Persoalannya, apakah analisis *muḥaddithīn* berhubung bid'ah khususnya daripada perspektif *Fiqh al-Ḥadīth*? Apakah benar hukum membaca surah *Yāsīn* pada setiap malam Jumaat ini dihukumkan bid'ah khususnya oleh *muḥaddithīn* apabila menganalisis hukum bid'ah daripada teks Hadith Nabawi?

Apabila merujuk kepada *Fath al-Bārī* dan *Sharḥ Muslim*, kedua-dua kitab autoriti ini sepakat mengkategorikan hukum bid'ah kepada

kategori *maḥmūdah* (yang terpuji) dan *mazmūmah* (yang dicela)⁵. Malahan hukum bid‘ah ini mempunyai lima hukum yang nyata iaitu; *wajib*, *mandūb*, *muḥarramah*, *makrūhah* dan *mubāḥ*. Bagi Imam Nawawi, menulis buku-buku ilmu dan membina sekolah-sekolah boleh dikategorikan sebagai bid‘ah yang *mandūbah* (sunat dan digalakkan)⁶. Sebagai satu analogi mudah, apakah membaca surah Yāsīn pada setiap malam jumaat itu boleh dikategorikan sebagai bid‘ah yang *makrūhah* atau *muḥarramah*?. Sebegini mudahkah istinbat hukum bid‘ah di dalam contoh ini? Apabila Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī dan Imam Nawawī secara jelas tidak menyebut contoh tersebut, apakah bacaan surah Yāsīn khususnya pada malam Jumaat ini layak pula diberi contoh hukum bid‘ah yang berlaku masa kini? Kurang sangatkah contoh hukum bid‘ah selain daripada contoh bacaan surah *Yāsīn* ini? Inikah metodologi semasa yang wajar diperkenalkan dan didoktrinkan?

Faktor kedua berlakunya kecelaruan dalam menganalisis hukum-hukum Islam ialah pendekatan liberal yang bebas. Secara mudah, inilah pendekatan yang banyak dipelopori oleh pihak orientalis dan pengikut-pengikutnya yang turut terdiri daripada orang Islam. Pada hemat penulis, pendekatan liberal ini terbahagi kepada dua kategori. Kategori pertama ialah pendekatan liberal yang membahayakan sepertimana yang didapati di dalam isu-isu semasa seperti hukum tidak wajib berhijab bagi wanita Islam. Golongan yang berpegang kepada hukum ini menolak hukum wajib berhijab bagi wanita Islam seperti yang terdapat di dalam ayat 31: Surah al-Nūr. Bagi mereka *Libās al-Taqwā* seperti yang terdapat di dalam ayat 26: Surah al-A‘rāf adalah dalil yang mementingkan sifat taqwa ketika berpakaian. Ringkasnya, bagi golongan ini, tidak wajib berhijab tetapi yang penting ialah sifat taqwa yang mesti dijadikan semacam ‘pakaian’ pada wanita Islam. Pendekatan ini secara jelas telah cuba memberi tafsiran tersendiri terhadap *Libās al-Taqwā* tanpa merujuk kepada hadith-hadith yang mewajibkan hijab bagi wanita Islam.

⁵ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, “*Kitāb al-I’tisām bi al-Kitāb wa al-Sunnah*”, no.6736. Rujuk laman web: <http://hadith.al-islam.com/Display/Display.asp?hnum=6736&doc=0>, al-Nawawī, *Ṣaḥīḥ Muslim*, “*Kitāb al-Jumu‘ah*”, no.1435. Rujuk laman web: <http://hadith.al-islam.com/Display/Display.asp?hnum+1435&doc+1>, 21 Julai 2008.

⁶ *Ibid.*

Kategori kedua ialah pendekatan liberal yang bermotifkan akademik *per se*. Pada hemat penulis, terdapat sebilangan orientalis khususnya yang menggunakan pendekatan liberal akademik dalam memahami dan menganalisis hukum-hukum Islam yang bersumberkan naqli. Di antara metodologi pendekatan liberal akademik ini ialah sering menggunakan aspek rasional dan logik di sebalik pensyariatian hukum Islam. Pendekatan ini akan menggunakan soalan *why* atau kenapa dihukumkan wajib atau haram bagi sesuatu perkara. Di antara pengalaman penulis sendiri ialah apabila ditanya kenapa Islam menghukumkan haram meminum arak atau alkohol. Mereka juga pernah bertanya kenapa Islam memilih waktu-waktu tertentu di dalam mewajibkan sembahyang lima kali sehari. Pada hemat penulis, soalan-soalan sedemikian mesti dijawab dengan sebaiknya berdasarkan kepada faktor ketinggian ilmu Islam itu sendiri dan faktor dakwah kepada si penyoal. Jawapan-jawapan kepada jenis soalan sedemikian sememangnya memerlukan kepada kajian yang mendalam dan jawapan terbaik bagi tujuan memberi kefahaman kepada si penyoal dan memperlihatkan kehebatan Islam itu sendiri.

Daripada perbincangan di atas yang berhubung dengan justifikasi kepada metod semasa di dalam analisis teks-teks naqli terutamanya hadith, boleh disimpulkan akan peri pentingnya *Fiqh Ḥaḍārī* bagi mendepani cabaran ini. Namun, *Fiqh Ḥaḍārī* versi al-Qaraḍāwī yang telah dibincangkan di atas wajar untuk ditambahnilai bagi menjadikannya lebih bersifat metodologi analisis yang boleh dipraktikkan. Sehubungan itu, penulis mengemukakan pendekatan *Fiqh Ḥaḍārī* yang diadunkan dengan teori *al-Maṣlaḥa wa al-Naṣṣ* dan disesuaikan dengan cabaran semasa hukum Islam.

***Fiqh Ḥaḍārī* : Metodologi Semasa Di Dalam Analisis Hadith-hadith Hukum**

Hadith-hadith hukum bererti hadith-hadith Nabawi yang mengandungi hukum *taklīfī* yang lima iaitu; wajib, haram, sunat, makruh dan harus. Di dalam khazanah ilmu *syarḥ al-Ḥaḍīth*, hampir kesemua kitab-kitab *syarḥ al-Ḥaḍīth* menfokuskan kepada istinbat hukum *taklīf* yang lima ini sebagai metodologi analisis teks-teks hadith. Cuma pendekatan yang

dilakukan ialah di dalam bentuk *Fiqh al-Ḥadīth* dan *Gharīb al-Kalimah* daripada teks-teks hadith. Pada hemat penulis, inilah metodologi *muḥaddithīn* yang wajar dijadikan landasan utama kepada sarjana Islam kontemporari di dalam meneruskan analisis terhadap teks-teks hadith Nabawi. Di antara kekuatan metodologi *muḥaddithīn* ini ialah analisis terhadap kualiti hadith terutamanya daripada aspek kualiti sahih, hasan dan daif. Metodologi ini juga menitikberatkan kepada kualiti isnad hadith dan juga *sabab wurūd al-Ḥadīth*. Ringkasnya, metodologi ini begitu diperlukan pada zamannya berdasarkan cabarannya yang tersendiri.

Bersesuaian dengan perkembangan zaman dan cabarannya, metodologi analisis teks hadith-hadith hukum juga menuntut kepada perkembangan dan perubahan yang sewajarnya. Justeru, *Fiqh Ḥaḍārī* yang telah ditambahnai daripada gagasan al-Qaraḍāwī amat wajar dijadikan sebagai satu kerangka metodologi analisis teks hadith-hadith hukum yang lebih bersifat semasa, praktis dan dinamik. Terdapat 3 pendekatan yang wajar diaplikasi di dalam menganalisis teks hadith-hadith hukum di dalam kerangka *Fiqh Ḥaḍārī* seperti berikut;

1. Analisis teks hadith-hadith hukum berdasarkan *Fiqh al-Wāqī* ‘ atau fiqh realiti.

Mengistinbatkan hukum-hukum di dalam hadith yang mengambil kira realiti sebenar amalan atau permasalahan di dalam urusan manusia. Maklumat daripada realiti sebenar ini akan membantu untuk mengenalpasti kaedah terbaik di dalam melaksanakan sesuatu hukum tersebut. Di samping itu, fatwa-fatwa semasa yang wujud di dalam masyarakat Islam wajar dijadikan bahan di dalam *Fiqh al-Wāqī* ‘ untuk terus dinilai dan dibaiki supaya dapat dijadikan panduan yang berguna kepada umat Islam.

Sebagai contoh; amalan membaca surah *Yāsīn* pada malam jumaat yang menjadi kebiasaan umat Islam di negara ini. Sebelum menghukumkan bid‘ah kepada amalan ini, sewajarnya dinilai terlebih dahulu secara objektif akan realiti amalan membaca surah *Yāsīn* yang diamalkan. Setelah

nilaian dibuat secara objektif, barulah rujukan dilakukan kepada hadith-hadith yang berkaitan dengan bid'ah yang mengambilkira *Fiqh al-Ḥadīth* yang telah digagaskan oleh *muhaddithīn* terdahulu.

2. Analisis teks hadith-hadith hukum berdasarkan *Fiqh Maqāṣid* atau objektif-objektif utama sesuatu hukum.

Analisis daripada aspek ini dapat diketahui melalui proses mengistinbatkan hukum yang merujuk kepada dalil-dalil naqli yang berkaitan dengan penggunaan kaedah *kulliyyāt Istiqrā'iyah*. Menurut al-Qaradāwī, sebahagian *maqāṣid* sesuatu hukum boleh dirujuk terus kepada dalil-dalil naqli terutamanya daripada al-Qur'an. Sebagai contoh, *maqāṣid* sembahyang ialah di antaranya mencegah kejahatan kemungkaran (al-'Ankabūt: 45); *maqāṣid* zakat ialah untuk membersihkan hati daripada sifat bakhil (al-Tawbah: 103), *maqāṣid* berpuasa ialah menjana sifat taqwa kepada Allah s.w.t. (al-Baqarah: 183). Sebenarnya pengetahuan berhubung dengan *maqāṣid* amat penting bagi tujuan meningkatkan kualiti amalan kerana dapat mengetahui objektif dan tujuan sesuatu hukum disyariatkan. Di samping itu, aspek *maqāṣid* ini boleh dijadikan hujah dan fakta saintifik di dalam pensyariatkan hukum Islam bersesuaian dengan cabaran kontemporari.

3. Analisis teks hadith-hadith hukum berdasarkan konsep dan keutamaan *maṣlaḥah* (kepentingan awam).

Kaedah ini mempunyai kaitan yang rapat dengan *Fiqh Maqāṣid*. Setelah mengenalpasti hukum-hukum daripada teks hadith, justifikasi akan diberikan terhadap sesuatu hukum berdasarkan konsep *maṣlaḥah*. Di dalam konsep ini, justifikasi sesuatu hukum akan dikaji berdasarkan kepada 'illah hukum tersebut yang akan dikaji pula melalui proses *ta'līl al-aḥkām (ratiocination)*. Mengetahui 'illah sesuatu hukum dan kategorinya akan menguatkan aspek rasionaliti dan hikmah hukum daripada dalil-dalil *naqli*. Walaupun kaedah ini agak kontroversi bagi sebahagian ulama fiqh silam, namun penulis

berkeyakinan bahawa kaedah ini boleh melahirkan aspek rasionaliti dan dinamik kepada hukum Islam khususnya yang bersumberkan dalil-dalil *naqli*.

Sebagai satu contoh teks daripada hadith Nabawi⁷ yang berhubung dengan ‘*illah* kepada pengharaman arak atau minuman yang seumpamanya,

حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ قَالَ أَخْبَرَنِي أَبُو سَلَمَةَ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ أَنَّ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْبَتِّ وَهُوَ نَبِيذُ الْعَسَلِ وَكَانَ أَهْلُ الْيَمَنِ يَشْرَبُونَهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ شَرَابٍ أُسْكِرَ فَهُوَ حَرَامٌ

Secara ringkasnya, melalui metodologi *al-maṣlaḥa wa al-naṣṣ*, ‘*illah* kepada pengharaman meminum arak ini secara jelas diketahui daripada teks hadith iaitu *muskir* atau *askar* yang bermaksud (sesuatu yang memabukkan). Di dalam konteks kesihatan manusia amat jelas bahawa sesuatu yang memabukkan akan mendatangkan mudarat kepada tubuh badan manusia terutamanya daripada sudut IQ, emosional dan organ badan. Di dalam konteks *maṣlaḥah*, kepentingan penjagaan aqal atau intelektual merupakan sesuatu yang amat penting atau *darūrī* (salah satu daripada enam perkara utama iaitu; agama, nyawa, aqal, keluarga, harta dan maruah). Terjejasnya tunjang kekuatan aqal ini akan membawa kepada ketidakstabilan IQ manusia khususnya yang disebabkan daripada minuman arak ini. Daripada aspek saintifik dan rasionaliti, huraian ini perlu diperluaskan lagi kepada aspek kuantiti alkohol yang terkandung di dalam sesuatu minuman dan kaitannya dengan kesihatan tubuh manusia.

⁷ Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī, *Kitāb al-Ashribah* (no. 5158), Muslim, *Kitāb al-Ashribah* (no. 3727), al-Tirmidhī, *Kitāb al-Ashribah* (no. 1786), Nasā’ī, *Kitāb al-Ashribah* (no. 5496), Abū Dāwūd, *Kitāb al-Ashribah* (no. 3197)

Ini memerlukan kepada fakta kimia bagi huraian teks Hadith hukum di atas. Justeru, kajian yang mendalam amat diperlukan dalam menganalisis hadith ini di dalam konteks metodologi *al-maṣlaḥa wa al-naṣṣ* yang berfalsafahkan *Fiqh Ḥaḍārī*.

Daripada huraian ringkas di atas, jelas menunjukkan bahawa metodologi ini wajar untuk dilihat sebagai satu potensi di dalam memperkasakan analisis Hadith-hadith hukum. Gabungan fakta-fakta daripada pelbagai ilmu begitu diperlukan sebagai pengukuh hujah terhadap dinamika hukum-hukum Islam khususnya yang bersumberkan dalil-dalil naqli seperti Hadith Nabawi. Dari sudut praktisnya, metodologi ini juga membuka ruang kepada sarjana-sarjana Muslim daripada pelbagai bidang untuk bergandingan dengan ulama' di dalam melakukan analisis terhadap teks-teks Hadith Nabawi.

Kesimpulan

Metodologi *Fiqh Ḥaḍārī* ini masih merupakan gagasan idea yang wajar didiskusikan dan ditambahnilai oleh para sarjana dan ilmuan Islam daripada pelbagai lapangan. Walaupun al-Qaraḍāwī telah mengimplementasikan pendekatan *Fiqh Ḥaḍārī* ini di dalam kebanyakan karya-karya beliau, namun masih banyak ruang yang belum diteroka lagi. Di dalam kesimpulan ini, penulis mencadangkan supaya institusi berwibawa di negara kita seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan gabungan ilmuan Hadith dan ilmu-ilmu lain, memulakan satu projek untuk menghasilkan karya-karya analisis Hadith hukum yang menjurus kepada cabaran kontemporari dari pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, ibadah, kesihatan dan sebagainya. Projek ini amat bertepatan sekali dengan prinsip Islam Hadhari yang diperkenalkan kerajaan yang di antaranya menfokuskan kepada perkembangan ilmu Islam dan ilmu-ilmu lain yang menjadi asas kepada kemajuan umat Islam di dunia dan di akhirat.